

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW
[WANGSA MAJU]**

TARIKH : 25 OKTOBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW [WANGSA MAJU] minta **MENTERI KANAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan pelan dan peruntukan bagi mentransformasikan industri aeroangkasa seperti dicadangkan sebagai salah satu strategi untuk merangsangkan ekonomi.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Industri aeroangkasa merupakan salah satu industri berteknologi tinggi yang strategik dan berimpak tinggi selain menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi negara. Pelan Induk Industri Aeroangkasa Malaysia 2030 menetapkan sasaran untuk menjadikan industri aeroangkasa Malaysia sebagai hab aeroangkasa serantau serta antara lokasi utama rantaian bekalan aeroangkasa global.

Pelan Induk 2030 ini dilaksanakan di dalam tiga fasa Rancangan Malaysia. Fasa pertama di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) telah berjaya merekodkan jumlah purata pendapatan tahunan sebanyak RM13.74 bilion. Namun, pandemik COVID-19 telah menjelaskan momentum pertumbuhan industri ini disebabkan oleh pengurangan jumlah permintaan komponen dan peralatan pesawat oleh pihak pengeluar kelengkapan asal (OEM), permintaan aktiviti *Maintenance, Repair & Overhaul* (MRO) yang rendah akibat operasi syarikat-syarikat penerbangan yang minima selain penundaan aktiviti-aktiviti lain seperti latihan teknikal dan professional.

Justeru itu, fasa kedua pelaksanaan Pelan Induk Industri Aeroangkasa Malaysia 2030 di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) akan memberikan tumpuan kepada pemulihan industri aeroangkasa pasca COVID-19 dan transformasi untuk menghasilkan produk dan perkhidmatan yang bernilai tinggi dengan dipacu oleh teknologi bagi melonjakkan pertumbuhan ekonomi. Industri aeroangkasa diunjur akan dapat menjana pendapatan sebanyak RM30 bilion menjelang tahun 2025 serta mewujudkan 30,000 peluang pekerjaan.

Kejayaan inisiatif aeroangkasa di bawah RMKe-12 bakal menjadi pemangkin pertumbuhan industri ini sepanjang pelaksanaan fasa ketiga dari tahun 2026 sehingga 2030. Menjelang 2030, pendapatan industri ini disasar akan mencapai RM55.2 bilion selain menyediakan pekerjaan berkemahiran tinggi untuk 32,000 rakyat negara ini. Dengan menerapkan teknologi digital dan Industri 4.0, Malaysia bakal berupaya untuk

menempatkan diri sebagai hab dan peneraju utama industri aeroangkasa di rantau Asia Tenggara dan menjadi sebahagian rantaian bekalan utama dunia.

Tuan Yang Di Pertua,

Memandangkan industri aeroangkasa terkesan teruk akibat pandemik COVID-19, strategi bagi industri aeroangkasa di dalam RMKe-12 juga akan ditumpu kepada menyediakan landasan yang kukuh untuk pemulihan industri ini bagi merebut peluang pertumbuhan akan datang dalam pasaran global pasca pandemik. Terdapat lima (5) program khusus pembangunan industri aeroangkasa yang telah direncanakan oleh Kerajaan:

- i. Pertama, menubuhkan Pusat Kecemerlangan Aeroangkasa Kebangsaan di bawah Pejabat Penyelarasan Industri Aeroangkasa Kebangsaan (NAICO). Pusat kecemerlangan ini akan menjadi pusat depositori teknologi dan pengetahuan industri aeroangkasa bagi pembangunan teknologi tinggi dan tenaga kerja mahir. Ini akan membantu transformasi industri aeroangkasa Malaysia menjadi lebih kompetitif di peringkat global dari segi teknologi, kepakaran dan kemahiran sumber manusia;
- ii. Kedua, menggalakkan promosi ekosistem industri aeroangkasa Malaysia bagi menjana pelaburan yang berkualiti tinggi. Penyertaan Malaysia di pameran perdagangan antarabangsa serta penganjuran pameran tempatan berkaitan industri aeroangkasa adalah penting untuk mempromosikan produk dan perkhidmatan syarikat tempatan. Program ini juga akan dapat meningkatkan eksport produk dan perkhidmatan industri aeroangkasa serta menembusi pasaran antarabangsa;
- iii. Ketiga, meningkatkan kompetensi melalui pelaksanaan transformasi digital dan Industri 4.0. Kerajaan sedang dalam usaha untuk membangunkan sistem digital aeroangkasa sebagai repositori data berpusat bagi operasi pesawat, MRO dan pembuatan aeroangkasa di Malaysia. Sistem digital ini akan

SOALAN NO: 20

memudahkan pelbagai pihak berkepentingan untuk mengakses maklumat permintaan dan penawaran bagi rantaian bekalan pada masa nyata. Inisiatif ini juga diharapkan dapat menyokong syarikat Tier-1 dan Tier-2 untuk memperbaiki struktur kos dan mengekalkan daya saing syarikat di peringkat global;

- iv. Keempat, membangunkan bahan api berasaskan bio untuk penerbangan mampan. Usaha akan dilaksanakan untuk menjadikan Malaysia sebagai pengeluar bahan api biojet melalui penyelidikan dan teknologi tempatan. Pelaksanaan inisiatif ini akan memberi kesan berganda kepada sektor lain terutamanya dalam pembekalan bahan mentah bagi bahan api biojet; dan
- v. Kelima, melaksanakan pensijilan *Aerospace Quality Management System* di bawah SIRIM Berhad bagi pensijilan standard AS9100, AS9110 dan AS9120. Pensijilan dan pencapaian standard adalah amat penting bagi industri aeroangkasa dan syarikat yang dipersijilkan akan mampu untuk bersaing di pasaran antarabangsa terutamanya bagi pembidaan kontrak.

Tuan Yang Di Pertua,

Industri aeroangkasa merupakan gerbang kepada industri bernilai tinggi lain seperti peranti perubatan termaju dan robotik kerana mendorong kepada aktiviti-aktiviti Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) serta memacu kepada peningkatan teknologi dalam rantaian bekalan. Seperti di negara-negara maju, industri ini menyokong kemajuan dalam industri berteknologi tinggi yang lain seperti Elektrik & Elektronik (E&E), Semikonduktor, Mesin & Peralatan (M&E), Perisian dan Ketenteraan. Tumpuan kepada pembangunan industri aeroangkasa di dalam RMKe-12 bakal menjadi pemangkin kepada pemulihan ekonomi pasca COVID-19 dan menerajui transformasi Industri 4.0 negara selain mencipta peluang ekonomi *deep technology* yang baharu.

Sekian, terima kasih.